

Analisis Keperluan Modul Istitabah bagi Pemulihan Akidah Penganut Syiah di Malaysia

[Analysis of The Needs of Istitabah Module for The Restoration of The Faith of Shia in Malaysia]

BITARA

Volume 5, Issue 4, 2022: 121-133
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 26 Jun 2022
Accepted: 26 October 2022
Published: 9 December 2022

Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah,¹ Muhammad Yosef Niteh,¹
Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin,² Syamim Zakwan Rosman,²
Aminudin Basir @ Ahmad^{3*} & Daud Lin⁴

1 Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

2 Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA

3 Pusat Pengajian Citra Universiti & Felo Kanan Bersekutu Inst. Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malausia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA UKM

4 NADI, Majlis Agama Islam Selangor

* Corresponding Author: manhaj@ukm.edu.my

Abstrak

Isu Syiah bukanlah perkara baru yang menyerang akidah dan pegangan masyarakat di Malaysia, tetapi ianya telah mendarah daging dalam lingkungan rakyat di Negara ini. Malah dalam kajian lapangan terdahulu pengkaji mendapati sebuah institut perguruan terdedah dengan segelintir pelajar yang berpegangan dengan doktrin Syiah. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis keperluan modul Istitabah bagi pemulihan akidah penganut Syiah di Malaysia. Dengan menggunakan metode kualitatif dan kaedah *systematic literature review* pengkaji mendapati terdapat 9 kajian lepas berkenaan dengan tema Syiah dan 5 kajian berkaitan tema istitabah. Kesimpulannya, pembinaan modul istitabah ialah satu keperluan bagi membantu pihak pusat pemulihan akidah atau jabatan agama Islam bagi memulihkan kembali akidah penganut-penganut Syiah yang sudah bertaubat.

Kata kunci: Analisis keperluan, Modul Istitabah, Akidah, Syiah, systematic literature review

Abstract

The Shia issue is not a new thing that attacks the beliefs of the people in Malaysia, but it has become the flesh and blood of the people in this country. In fact, in previous field studies, the researchers found that a teaching institute was exposed to a few students who adhered to the Shia doctrine. Therefore, the purpose of this study is to analyze the needs of the Istitabah module for the restoration of the faith of Shia believers in Malaysia. By using the qualitative method and the systematic literature review method, the researcher found that there are 9 previous studies related to the theme of Shia and 5 studies connected to the theme of istitabah. In conclusion, the construction of the istibah module is a necessity to help the faith restoration center or the Islamic religion department restore the faith of the Shia believers who have repented.

Keywords: Needs analysis, Module Istitabah, Creed, Shia, systematic literature review.

Cite This Article:

Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah, Muhammad Yosef Niteh, Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin, Syamim Zakwan Rosman, Aminudin Basir @ Ahmad & Daud Lin. (2022). Analisis Keperluan Modul Istitabah bagi Pemulihian Akidah Pengikut Syiah di Malaysia [Analysis of The Needs of Istitabah Module for The Restoration of The Faith of Shia in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 121-133.

Pengenalan

Penyebaran Mazhab Syiah di Malaysia telah menimbulkan keresahan dalam kalangan umat Islam di negara ini yang boleh dilihat dari empat sudut. Pertamanya, perbezaan mazhab ini dari sudut amalan dan akidah dengan pegangan masyarakat Islam di negara ini yang rata-ratanya berpegang dengan Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ). Ia dikhuatiri boleh menambahkan lagi punca perselisihan faham dalam kalangan masyarakat. Kedua, keresahan turut berasaskan kepada sifatnya bukan sekadar sebagai mazhab tetapi sebagai sebuah gerakan yang dikaitkan dengan perluasan pengaruh politik yang boleh menimbulkan masalah kepada keselamatan negara seperti menggerakkan demonstrasi yang telah berlaku di Arab Saudi (Matthiesen 2012) dan di Bahrain (Gengler 2012). Ketiga, keresahan juga dikaitkan dengan krisis berdarah yang melibatkan antara Syiah dengan Ahli Sunah Waljamaah di Syria. Mereka sangat tidak berperi kemanusiaan. Sebelum ini, masyarakat mungkin hanya mendengar secara jauh tentang sikap Syiah tetapi kini mereka menyaksikannya dengan jelas sikap dan tindakan mereka. Keempat, kenyataan terbuka penggerak Syiah di Malaysia iaitu Kamil Zuhairi (2011), bahawa penyokong Syiah di Malaysia berjumlah lebih 200 ribu orang dan perkara ini telah mengejutkan banyak pihak dan menimbulkan tanda tanya. Apakah kenyataan ini benar atau pun ia merupakan propaganda bagi menarik perhatian pihak tertentu. Sekiranya jumlah ini benar, ia sangat signifikan dan berpotensi untuk berkembang.

Penyataan Masalah

Dalam konteks Malaysia, pengaruh fahaman Syiah ini wujud dan semakin menular ke beberapa negeri di Semenanjung Malaysia seperti Kedah, Kelantan, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan dan Selangor. Antara sebab utama tindakan kerajaan mengharamkan pergerakan Syiah di Malaysia adalah kerana doktrin atau ajarannya yang melampau dan menyebabkan terbatalnya akidah Islam. Hal ini termasuklah perbuatan menolak hadith yang diriwayatkan oleh ulama Ahli Sunah Waljamaah sekalipun hadith itu mutawatir, menolak asas hukum melalui Ijma' dan Qias. Ajaran ini juga menghina isteri-isteri Nabi, memfitnah sahabat Nabi seperti Sayidina Abu Bakar, Omar, Uthman, Aishah, Hafsa dan Mu'awiyah dengan mendakwa mereka melakukan kezaliman (Mohd Haidhar 2011). Bahkan ajaran Syiah meyakini bahawa imam-imam mereka adalah maksum iaitu terpelihara daripada sebarang dosa. Malah penyanjungan yang keterlaluan kepada Sayidina Ali sehingga di sama tarafkan dengan Rasulullah SAW dan menambah nama Sayidina Ali dalam kalimah syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW. Selain itu, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga menyatakan bahawa Syiah di Malaysia bukan sahaja dilihat sebagai suatu ajaran sesat, malah ianya mengancam aspek keselamatan negara. Bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu Datuk Othman Mustapha

juga menegaskan bahawa penyebaran Syiah ini diumpamakan seperti ‘barah’ di negara ini dan perlu dibanteras sebaik mungkin. Hal ini kerana, penyebaran doktrin Syiah ini akan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah dan keutuhan agama sekaligus memecahbelahkan perpaduan umat Islam negara ini (Bernama 2013).

Objektif


Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan modul Istitabah bagi pemulihan akidah penganut Syiah di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini telah menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti elemen istitabah yang terdapat di dalam kajian-kajian. Metode kajian yang dilakukan adalah analisis dokumen terhadap artikel, jurnal dan tesis online yang ditulis oleh para sarjana. Kadar rujukan adalah dalam tempoh tahun 2001 hingga sekarang 2021. Kajian ini menyasarkan jawapan bagi beberapa persoalan kajian, seperti berikut:

- Mengenal pasti jurang pembinaan modul istitabah bagi pemulihan akidah khusus kepada penganut Syiah di Malaysia.

Setiap kajian lepas telah dikumpulkan dengan penggunaan kata kunci Syiah dan Istitabah. Justeru itu, kajian-kajian selain dari subjek yang berkenaan terkeluar dari sistem literatur sistematik.



Rajah 1 memaparkan kajian ini menggunakan metode tinjauan literatur sistematik yang merangkumi pengkaji, tahun kajian, latar, tajuk kajian, dapatan dan elemen kajian merujuk kepada rujukan sorotan literatur. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti elemen istitabah dan keperluan modul istitabah untuk penganut syiah di Malaysia. Prinsip matrik sorotan sistematik literatur atau *systematic literature review* (SLR) telah diikuti oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi melihat dengan jelas fenomena yang berlaku

di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi et al., 2006). Kajian ini telah mengambil pendekatan tematik menggunakan kata kunci ‘istitabah dan syiah’ bagi mengumpulkan data berkenaan. Di samping itu, kajian ini dibantu dengan akses pangkalan data *google*, *google scholar*, *semantic scholar*, *researchgate* dan *academia*. Daripada 30 jumlah carian dokumen yang berkaitan dengan kajian, hanya 14 sahaja yang diterima untuk dianalisis di dalam SLR, dan skop carian bermula dari tahun 2001 sehingga 2021.

Dapatan Kajian

Bagi menganalisis kajian ini secara sistematik, 14 tinjauan literatur telah dikenal pasti sebagai indikator penting bagi menghasilkan ruang dan gap kajian keperluan modul istitabah bagi penganut Syiah di Malaysia.

Jadual 1: Sorotan Sistematik Literatur Kajian

Bil	Pengkaji (tahun)	Tajuk	Dapatan	Gap
Syiah				
1	Wan Zailan Kamaruddin (2001)	Ali bin Abi Talib dan Pemikirannya Dalam Ilmu Al-Kalam Menurut Perspektif Syiah	Menghuraikan secara terperinci mengenai latar belakang dan ketokohan Ali bin Abi Talib sebagai salah seorang tokoh pemikir Islam yang unggul setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW.	Fokus kajian hanya pada pemikiran Saidina Ali bin Talib dalam ilmu kalam menurut perspektif Syiah, kajian ini tidak menyentuh berkenaan teori, model atau modul istitabah untuk pemulihan akidah penganut Syiah.
2	Kamis bin Ismail (2003)	Syiah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu Zaman Tradisional	Antara penemuan dalam kajian tersebut menunjukkan bahawa ajaran Syiah telah datang terlebih awal daripada ajaran Sunni di Alam Melayu. Malah pihak Syiah ini juga didapati telah menubuhkan kerajaan Islam yang pertama dan berpengaruh dalam sudut agama,	Kajian ini hanya menyentuh kesan pengaruh Syiah dalam bidang politik serta tasawuf falsafah di alam melayu dan tidak membincangkan berkenaan modul <i>istitabah</i> .

			politik dan sosial masyarakat setempat. Kajian ini turut membincangkan sejarah Syiah dari sudut epistemologi sehingga ke aliran dan doktrin mereka.	
3	Rifanto bin Syarat Ridwan (2004)	Pelantikan Khalifah dari perspektif Syiah dan Sunni: Suatu Perbandingan	Hasil kajian ini adalah bahawa slogan Cinta Ahlu al-Bayt yang selalu digembar-gemburkan oleh Syiah adalah hanya semata-mata alat untuk mendapatkan beberapa kepentingan mereka. Malah syarat pelantikan khilafah yang diletakkan oleh mereka adalah bertujuan menghalang khalifah yang lain seperti Abu Bakr, Umar dan Uthman dari menjawat jawatan khalifah atas sebab-sebab tertentu.	Kajian ini mengkaji syarat-syarat pelantikan khalifah, perbandingan di antara perpektif syiah dan sunni. Kajian ini tidak membahaskan modul atau teori <i>istitabah</i> .
4	Ahmad Yani Anshori (2008)	Ideologi Syiah: Penelusuran Sejarah	Menurut pengarang kelompok Syiah semakin berkembang ketika mana Sayidina Ali memegang <i>al-Khilafah al-Islamiyyah</i> . Setelah terbunuhnya Sayidina Ali kelompok ini mendapat tantangan hebat daripada kelompok majoriti Ahli Sunah Waljamaah. Kelompok Syiah juga terpecah menjadi beberapa kelompok yang mana semua kelompok tersebut sama-sama mementingkan kepimpinan Ali bin Abi Talib sebagai pewaris	Kajian ini membahaskan lima konsep usuluddin Syiah <i>Itsna Asyariyyah</i> . Namun kajian berkenaan <i>istitabah</i> tidak dibincangkan.

- kepimpinan Nabi Muhammad SAW dan kemudiannya kepada Hussin bin Ali.
- 5 Umar Faruk Madhab Ahl Al-Assegaf Bait in Nusantara: The Past and Present Membincangkan kewujudan Madhab Ahl al-Bait di kepulauan Nusantara ekoran daripada kemasukan Islam ke Indonesia. Buktinya, ia dapat dilihat apabila beberapa simbol dan amalan keagamaan dalam negara tersebut seolah-olah mempunyai hubungan yang rapat dengan prinsip asas Syiah. Dalam menjelaskan kemunculan Syiah di Indonesia, pengarang telah mengemukakan teori Sufi, kebudayaan keagamaan yang diamalkan seperti *Tabot*, *'Ashura* dan *Ta'ziah*.
- 6 Mohd Samsuddin Kemunculan pemikiran Harun dan budaya Syiah di Azmul Fahmi Alam Melayu Kamaruzaman (2011) Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, mereka menyimpulkan bahawa Syiah masih belum muncul sebagai kuasa politik pada awal ketibaan ajaran Islam ke Alam Melayu pada abad 1 Hijrah. Aliran Syiah jelas dapat dikesan wujud sejak abad ke-12M dan aliran Syiah pertama yang sampai ke Alam Melayu ialah fahaman Batiniyah. Pemikiran dalam fahaman Batiniyah inilah yang meresap masuk ke dalam Membincangkan syiah tanpa menyentuh hal *istitabah*.

- pemikiran tasawuf seperti *wujudiyah, hulul wa al-ittihad*, Nur Muhammad, Insan Kamil dan *rijal al-ghaib* (Imam Mahdi).
- 7 Qurrotul Ain Perkembangan Binti Shuib Gerakan Syiah di Kedah (2014) Dapatkan kajian menunjukkan bahawa gerakan ini sememangnya wujud dan mula berkembang pada awal tahun 1990-an serta bergerak aktif di Kedah. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan belum wujud kekacauan antara pengikut Syiah dan Ahli Sunah Wal Jamaah. Namun, kebelakangan ini telah mula muncul gerakan Syiah dalam kalangan masyarakat Malaysia yang beragama Islam.
- 8 Hamidi Ismail "Konsep *Al-ilahiyat* Dalam Pemikiran Syiah Al-ithna 'Ashariyyah: Analisis Bab *Al-Tawhid* Dari Kitab *Al-Kafi* Menurut Perspektif Al-Asha'irah" Hanya menyentuh pergerakan Syiah di Kedah, namun tidak membincangkan *istitabah*.
- Hasil kajian ini mendapati bahawa al-Kulayni (pengarang *al-Kafi*) telah memperkenalkan beberapa konsep dalam menjelaskan zat dan sifat tuhan yang menjadi teras pegangan aliran Syiah *al-Ithna 'Ashariyyah*. Konsep-konsep tersebut yang diwar-warkan bersumberkan nas tidak lebih daripada hasilan kontemplasi akal yang dicerok daripada pemahaman al-Mu'tazilah. Cedokan ini tidak menyumbang melainkan kecelaruan yang mencacatkan ketuhanan

			Allah SWT. Dengan sebab itu, konsep-konsep tersebut dinilai dan dikritik oleh <i>al-Asha'irah</i> . Hasilnya, konsep <i>al-ilahiyyat</i> dalam <i>al-Kafi</i> bukan sahaja menyalahi pedoman al-Quran dan al-Sunah malah menyalahi logik akal yang sihat, sebagaimana yang dihuraikan oleh tokoh-tokoh <i>al-Asha'irah</i> .	
9	Mohd Fuad Mokhtar (2016)	"Ihsan Ilahi Zahri (1945-1987) dan Kritikannya Terhadap Pemikiran Akidah Syiah"	Penulis mendapati bahawa fahaman Syiah Imamiyah merupakan salah satu ajaran yang berbeza dan terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar.	Tidak membincangkan <i>istitabah</i> .

Istitabah

10	Wan Mohd Fazrul Azdi et al (2013)	"Model Istitabah: Cadangan Konsep Dan Pelaksanaannya Dalam Intervensi Permasalahan Riddah Kontemporari Di Malaysia."	Kajian ini mengisi kelompongan <i>ijtihad</i> dalam amalan istitabah. Kajian ini juga menjelaskan ekspresi awal projek M-Istitabah iaitu model <i>istitabah</i> di Malaysia yang menggunakan pendekatan bersepadu antara prinsip agama dan intervensi krisis terhadap pemulihran jenayah murtad di Malaysia.	Modul <i>istitabah</i> yang dibincangkan khusus untuk jenayah murtad sahaja tanpa menyentuh kumpulan penganut Syiah di Malaysia.
11	Nazneen binti Ismail, Zanariah Dimon, Nurzatil Ismah bt Azizan, Nurulfathonah	Penggunaan Modul Istitabah Dalam Mengendalikan Kesalahan Akidah Di Selangor	Tujuan makalah ini adalah untuk menjelaskan penggunaan modul <i>istitabah</i> dalam mengendalikan kesalahan akidah di Selangor. Dapatkan kajian menunjukkan asas amalan	Modul <i>istitabah</i> yang dihasilkan untuk kesalahan akidah di Malaysia secara umum tanpa ada kajian khusus terhadap penganut Syiah di Malaysia.

	Mohd Effendy, Hamidi Abd. Ghani, Zulqarnain Hassan, Nordin Mat Piah & Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria (2018)	<i>istitabah</i> di Selangor ialah saringan, pemulihan dan rawatan, pengukuhan dan pemantapan serta khidmat sokongan.		
12	Zanariah Dimon, Nurzatil (<i>Istitabah</i>) Bagi Ismah Azizan, Nazneen Ajaran Sesat di Ismail, Baitul Iman, Hamidi Abd. Selangor: Ghani, Nordin Mat Piah, Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria, Nurulfathonah Mohd Effendy (2019)	Pendekatan Taubat <i>Istitabah</i> Bagi Kesalahan Ajaran Sesat di Baitul Iman, memulihkan pesalah- Sorotan Kes Abdul Kahar Ahmad mempertahankan kesucian agama dan melibatkan ajaran sesat. Kaedah ini dapat mempertahankan kesucian agama dan mengembalikan pesalah yang terlibat dengan kesalahan akidah bertaubat dan kembali kepada Islam yang sebenar.	Hasil kajian menunjukkan bahawa pemulihan akidah secara penahanan dan pengajaran menggunakan Modul <i>Istitabah</i> adalah sangat berkesan bagi memulihkan pesalah dalam kes pesalah dalam kes melibatkan ajaran sesat. Kaedah ini dapat mempertahankan kesucian agama dan mengembalikan pesalah yang terlibat dengan kesalahan akidah bertaubat dan kembali kepada Islam yang sebenar.	Membincangkan penggunaan modul <i>Istitabah</i> MAIS yang digunakan untuk kumpulan ajaran sesat di Baitul Iman, Selangor. Namun belum ada fokus untuk penganut Syiah.
13	Zanariah Dimon, Nurzatil Bagi Kesalahan Ismah Azizan, Nazneen Akidah Di Malaysia Dari Ismail, Aspek Sosio Hamidi Abd. Perundangan Ghani, Zulqarnain Hassan, Nordin Mat Piah, Mohd Ramizu	Konsep Kajian Amalan <i>Istitabah</i> Bagi Kesalahan Akidah Di Malaysia Dari Aspek Sosio Perundangan	Hasil kajian kepustakaan mendapati perintah <i>istitabah</i> sangat penting sebagai satu proses pemulihan akidah kepada pesalah akidah yang telah disabitkan kesalahan termasuklah dalam kes kes percubaan murtad. Walau bagaimanapun, amalan <i>istitabah</i> di peringkat negeri adalah berbeza sama ada dalam	Kajian ini telah mengumpulkan amalan-amalan <i>istitabah</i> yang dipraktikkan di Malaysia untuk kesalahan akidah di Malaysia. Namun ianya sama sekali tidak melibatkan penganut Syiah, kerana fokus kajian adalah kepada isu

	Abdullah @ Zakaria & Nurulfathonah Mohd Effendy (2017)	bentuk kaunseling akidah murtad. atau tahanan di pusat pemulihan akidah bergantung kepada perintah hakim Mahkamah Syariah selepas penerimaan kes kes permohonan status agama.
14	Ahmad A'toa' et al. (2021)	<p>latar belakang Bahagian Pemulihan <i>Al-Riqab</i>, MAIS dalam menyantuni komuniti lesbian, gay, bisexual, transgender (LGBT)</p> <p>Hasil kajian mendapati Bahagian Pemulihan <i>Al-Riqab</i> berperanan dalam memberi sokongan perlindungan, membantu proses pemulihan, dan membantu perawatan kepada komuniti yang memerlukan.</p> <p>Cabaran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Stigma 2 hala 2. Masalah hidup yang dihadapi 3. Gaya hidup yang berbeza 4. Tentangan daripada golongan liberal 5. Utamakan ganjaran semata-mata

Berdasarkan jadual 1, terdapat sembilan sorotan literature terkumpul untuk kata kunci ‘Syiah’ dan empat kajian melalui kata kunci ‘istitabah’. Tema Syiah dalam SLR ini secara umumnya membincangkan berkenaan ideologi, sejarah dan perkembangan Syiah di Malaysia, manakala *istitabah* dibahaskan dalam rangka prosedur undang-undang, modul dan pelaksanaannya terhadap golongan tertentu seperti Abdul Kahar dan LGBT.

Perbincangan

Berdasarkan 14 dapatan kajian di dalam jadual 1 di atas, jelas menunjukkan bahawa kajian bagi tema *istitabah* kurang dikaji dan diberi perhatian. Umumnya MAIS telah berjaya menghasilkan modul *istitabah* dengan pendekatan empat fasa, iaitu: saringan, rawatan dan pemulihan, pengukuhan dan pemantapan, dan khidmat sokongan. Daripada lima dapatan tema *istitabah*,

modul *istitabah* MAIS telah digunakan kepada beberapa kes seperti murtad dan Abdul Kahar.

Namun, pengkaji melihat bahawa modul tersebut tidak sesuai untuk digunakan bagi berhadapan dengan penganut Syiah yang ingin bertaubat. Ini kerana latar belakang, pendidikan dan kehidupan yang berbeza berbanding dengan kes murtad dan ajaran sesat. Pengkaji berpendapat bahawa modul perlu bersifat khusus kepada golongan dan kumpulan tertentu, agar ianya memberi dampak yang besar dalam perubahan kepercayaan dan pemikiran seseorang individu.

Di samping itu Bahagian Pemulihan *Al-Riqab*, MAIS telah mewujudkan satu modul. Modul tersebut dikenali sebagai modul *Istitabah*, modul istitabah tujuannya adalah untuk proses inabah kepada mereka (golongan LGBT) yang mempunyai masalah akidah untuk kembali bertaubat. Justeru itu bahagian *Al-Riqab* memainkan peranan penting dalam mengislahkan golongan ini. Sejak 2015 terdapat tiga tempat rumah perlindungan dan pemulihan khusus kepada golongan LGBT, antaranya adalah rumah perlindungan terdapat di Klang (Usrah Fitrah), Kajang (PINTAS) dan Ampang. Ketiga-tiga tempat tersebut mempunyai kategori yang telah ditetapkan seperti rumah perlindungan yang terdapat di Bangi (PINTAS) khusus kepada golongan GAY, manakala rumah perlindungan yang terdapat di Klang (Usrah Fitrah) dan Ampang khusus kepada golongan LGBT secara umum (Nur Amalina. 2019). Pengkaji mendapati bahawa belum ada lagi kajian *istitabah* yang dikaitkan dengan penganut Syiah di Malaysia, dan ini memberi ruang kepada pengkaji untuk menghasilkan modul *istitabah* bagi pemulihan akidah penganut Syiah di Malaysia.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pengkaji berjaya mencapai objektif kajian dengan penggunaan kaedah *systematic literature review*. Buat masa ini dengan kaedah SLR berdasarkan platform online hanya lima sahaja kajian yang dikaitkan dengan *istitabah*, mungkin karya seperti buku dan majalah boleh di analisis oleh pengkaji bagi menambah nilai kepada dapatan SLR ini sebelum kajian diteruskan kepada fasa yang seterusnya. Pembinaan dan pembangunan modul ini sebuah usaha bagi menyelesaikan isu penganut-penganut Syiah yang ingin bertaubat dan memerlukan sebuah platform dan modul khusus bagi menjernihkan kembali akidah, pemikiran, pemahaman dan pengamalan sesuai dengan ajaran Nabi SAW.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2021. No Geran: 2021/P/GPIK/GPP-001, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk ‘Pembentukan Modul Istitabah Bagi Pemulihan Akidah Penganut Syiah di Malaysia’.

Rujukan

- A'toa'Mokhtar, Ahmad, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mohd Hakim Arshad, and Nur Amalina Nordin. (2021). "Bahagian Pemulihan Al-Riqab: Peranan dan Cabarannya dalam Menyantuni Komuniti LGBT." *Jurnal Pengajian Islam*. 14, 218-230.
- Anshori, A. Y. (2008). *Ideologi Syi'ah: Penelusuran Sejarah*. Jurnal Asy-Syir'ah. 42(2), Halaman 361-385.
- Ashaari Muhammad. 1987. *Bahaya Syiah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Shoutul Arqam.
- Astro Awani. (2013). *Semua ajaran Syiah di Malaysia adalah menyeleweng JAKIM*. Refer to: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semu-aajaran-syiah-di-malaysia-adalah-menyeleweng-jakim-26941>.
- Azdi, Wan Mohd Fazrul, Kamaluddin Nurdin Marjuni, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Mohd Zaliridzal Zakaria, and Mohammmad Fadzil Mat Yaacob. (2015). Istitabah Model for Malaysia: A Preliminary Exposition. '*Ulum Islamiyyah Journal*', 15, 111-124.
- Dimon, Z., Azizan, N. I., Ismail, N., Ghani, H. A., Hassan, Z., Piah, N. M. (2017). *Konsep Kajian Amalan Istitabah Bagi Kesalahan Akidah Di Malaysia Dari Aspek Sosio Perundangan*. 4 th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi, 7 September. Halaman 261-277.
- Dimon, Z., Azizan, N. I., Ismail, N., Ghani, H. A., Piah, N. M., Abdullah, M. R., & Effendy, N. M. (2019). Pendekatan Taubat (Istitabah) Bagi Kesalahan Ajaran Sesat di Baitul Iman, Selangor: Sorotan Kes Abdul Kahar Ahmad. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 1-15.
- Harun, M. S., & Kamaruzaman, A. F. (2011). *Kemunculan Budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal*. Bangi, Selangor: UKM.
- Ismail, K. (2003). *Shi 'ah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah Di Alam Melayu Zaman Tradisional*. Tesis Phd Fakulti Sains Sosial dan kemanusiaan, UKM. 2003.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bgai Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. (2009). Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM.
- Musa, M. R., Abd Rahman, A., Zakaria, M. Z., Yaacob, M. F. M., & Azdi, W. M. F. (2013). Model Istitabah: Cadangan Konsep Dan Pelaksanaannya Dalam Intervensi Permasalahan Riddah Kontemporari Di Malaysia. *Al-'Abqari: Islamic Social Sciences and Humanities*, 282(1767), 1-31.
- Mohd Fuad, M. (2016). *Ihsan Ilahi Zahir (1945-1987) dan kritikannya terhadap pemikiran akidah Syiah/Mohd Fuad Mokhtar* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mohd Hamidi, I. (2015). *Konsep al-ilahiyyat dalam pemikiran syiah al-ithna 'ashariyyah: Analisis bab al-tawhid dari kitab al-kafi menurut perspektif al-asha 'irah/Mohd Hamidi Ismail* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

- Nazneen Ismail, Zanariah Dimon, Nurzatil Ismah bt Azizan, Nurulfathonah Mohd Effendy, Hamidi Abd. Ghani, Zulqarnain Hassan, Nordin Mat Piah & Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria. (2018). *Penggunaan Modul Istitabah Dalam Mengendalikan Kesalahan Akidah di Selangor*. 5 th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2018) Tenera Hotel Bandar Baru Bangi Selangor. 18-19 September. Hal. 203-212.
- Shuib, Q. A. (2013). Perkembangan Gerakan Syiah di Kedah (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, UKM).
- Umar Faruk Assegaf. (2010). Madhab Ahl Al-Bayt In Nusantara: The Past and Present. *Jurnal Al-Qurba* 1(1): 58-81.
- Wan Ali, W. Z. K. (2001). *Ali bin Abi Talib dan pemikirannya dalam Ilm Al-Kalam menurut perspektif Syi'ah* (Doctoral dissertation, University of Malaya).